

keusahawanan

[FOTO MOHAMAD ISHAK /BH]

info

Kios UniSZA

→ Beroperasi dari jam 10 pagi hingga 10 malam
→ Menawarkan susu segar dibawa terus dari ladang ternakan



Muhammad Pehimi (tengah) dan Prof Ahmad Zubaidi (kanan) menunjukkan produk UniFarm yang dijual di kios UniSZA.

UniSZA pasarkan produk daging, susu kambing

Oleh **Mohammad Ishak**
bhvarsiti@bh.com.my

Jertih

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengeluarkan lima produk makanan berasaskan daging dan susu kambing dengan jenama UniFarm yang sudah mula dipasarkan kepada orang ramai.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif, berkata produk terbabit ialah aiskrim, yogurt dan keju diperbuat daripada susu kambing segar, serta karpap dan samosa berisikan daging kambing.

Beliau berkata, semua produk itu memasuki pasaran sempena perasmian kios UniSZA oleh

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan Dan Komoditi negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof, di sini, baru-baru ini.

Perluaskan kios

"Kios ini akan diperluaskan bukan sahaja di daerah Besut, malah bakal dibuka di bandar utama Terengganu," katanya selepas majlis perasmian itu.

Prof Ahmad Zubaidi berkata, pengeluaran produk berkenaan adalah hasil pelaksanaan Program Ladang Kambing Tenusu UniSZA yang diilhamkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, kira-kira lima bulan lalu.

Melalui program itu, beliau berkata, UniSZA memindahkan ilmu keusahawanan dalam bidang penternakan kambing

tenusu kepada pengusaha kambing di daerah Besut.

Produk pilihan

"Ia membabitkan konsep pemberian pawah kambing tenusu berbaka baik kepada 100 Pengusaha Komuniti Tenusu Kambing Besut (PKTKB) bawah bimbingan UniSZA," katanya.

Prof Ahmad Zubaidi berkata, program itu memberi peluang pekerjaan kepada PKTKB, terutama belia, selain meningkatkan pendapatan usahawan terbabit dan bekalan produk berasaskan susu kambing yang halal serta berkhasiat.

"Kita mahu menjadikan UniFarm produk pilihan bukan sahaja di Terengganu tetapi juga seluruh negara dan pada peringkat antarabangsa," katanya.